



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN ULANG TAHUN 57 TAHUN PENUBUHAN YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Kuala Lumpur, 23 September 2023 – Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara merangkap Pengerusi Yayasan Tunku Abdul Rahman pada hari ini telah merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-57 penubuhan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR). Ketika sambutan itu, biasiswa dan tajaan program bernilai RM7.6 juta telah dirasmikan melalui pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) diwakili oleh lapan organisasi dengan menyasarkan pelajar yang kurang berkemampuan.

Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen pada tahun 1966, Yayasan ini merupakan satu tanda penghormatan kepada Perdana Menteri pertama Malaysia, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dengan objektif penubuhan untuk membangunkan generasi muda Malaysia bagi membentuk masa depan yang lebih baik untuk diri mereka dan komuniti mereka melalui akses dan pemerksaan pendidikan tinggi. Yayasan ini beroperasi melalui dana yang diperoleh secara bebas dan mendapat pengecualian cukai.

Selama 57 tahun, Yayasan telah membantu lebih 9,000 belia. Kini, Yayasan memberi fokus untuk memperkasakan golongan muda, terutamanya daripada latar belakang yang kurang berkemampuan melalui program ‘Closing The Gap’, sebuah program bimbingan akses pendidikan tinggi untuk pelajar sekolah menengah, memperkasa ‘Basiswa Tunku Abdul Rahman’ sebagai satu biasiswa komprehensif merangkap Program Pembangunan Kepimpinan, dan memperkenalkan ‘FutureReady’ iaitu program keboleh pasaran dan peningkatan kemahiran diri.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “bagi mencapai wawasan Tunku untuk Malaysia yang bersatu, kita mesti menangani cabaran yang menghalang wawasan ini dari direalisasikan, iaitu jurang kelas sosio-ekonomi dan jurang bandar-luar bandar. Melalui strategi baharu YTAR, ia merupakan potensi besar untuk menangani cabaran ini dengan mengutamakan akses pendidikan tinggi dan memupuk pembangunan kepimpinan sebagai pemangkin mobiliti sosial dan transformasi masyarakat”.

Ida Thien, Ketua Pegawai Eksekutif YTAR turut menekankan falsafah baharu terhadap pemilihan biasiswa dan penyampaian program. Beliau berkata, “menyedari bahawa individu mempunyai titik permulaan yang berbeza dalam kehidupan dan memerlukan sokongan yang dirangka khas untuk berjaya, ia menyokong perubahan strategi kami dalam proses pemilihan dan juga program kepimpinan kami. Kami telah beralih daripada kriteria yang menekankan akademik dan kokurikulum kepada penilaian yang lebih holistik yang mengambil kira keperluan unik calon, cita-cita peribadi mereka dan pengalaman mereka dalam mengatasi cabaran hidup. Program berfokuskan kepada pembangunan kapasiti ini dapat menyokong pembangunan mereka dalam merentasi peringkat yang berbeza dalam kehidupan mereka”.

Sejak 2019, YTAR mula mengumpul dana untuk meningkatkan impak pelaksanaan program. MOU tersebut merupakan satu penghargaan dan juga perasmian perkongsian dengan penaja utama, iaitu Yayasan OSK bagi program Closing The Gap. Sementara MOU Bersama Asia Philanthropy Circle, AHAM Asset Management Berhad, Yayasan Universiti Teknologi PETRONAS, Heriot-Watt University Malaysia, University of Nottingham Malaysia dan Yayasan Universiti Multimedia bagi Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Accenture Malaysia bagi program FutureReady.

YTAR menyasarkan untuk membantu lebih 1,000 pelajar bagi tempoh lima tahun akan datang bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan menjadi pemimpin muda. YTAR mengalu-alukan syarikat dan individu untuk merealisasikan aspirasi ini dengan menaja Biasiswa Tunku Abdul Rahman 2024 atau membiayai program 2024 Closing The Gap. Untuk maklumat lanjut sila layari www.yayasantar.org.my.

Kementerian Perpaduan Negara

23 September 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (56)